

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN (NASIONAL)

TARIKH: 13 OGOS 2019

MUKA SURAT: 13

Remaja Ireland hilang

## Fokus cari Nora Anne di Gunung Berembun

Mangsa gagal ditemui di enam kilometer radius dari kawasan penginapan

**Seremban:** Fokus operasi mencari dan menyelamat (SAR) Nora Anne Quoirin, 15, yang dilaporkan hilang sejak 4 Ogos lalu, kini tertumpu di Gunung Berembun.

Timbalan Ketua Polis Negeri Sembilan, Senior Asisten Komisioner Che Zakaria Othman, berkata ini kerana usaha pencarian meliputi enam kilometer radius dari kawasan penginapan mangsa sekeluarga sudah dilaksanakan sehingga hari kelapan kelmarin, namun masih gagal mengesan remaja Ireland itu.

"Skop pencarian hari ini (semalam) tertumpu dari puncak Telapak Buruk ke kaki Bukit Loji air melalui Gunung Berembun.

"Kekuatan keseluruhan anggota SAR adalah seramai 353 orang dengan 176 anggota dikerahkan ke kawasan gunung itu sejak jam 8.30 pagi tadi (semalam) dan masih meneruskan operasi sehingga kini.

"Unit Komando Vat 69 dan Pasukan Gerakan Am (PGA) juga akan melakukan pencarian dalam lingkungan 12 kilometer radius di kawasan gunung itu, manakala petugas SAR lain di kawasan lapan kilometer radius," katanya pada sidang media di Balai Polis Pantai, di sini, semalam.

Nora Anne yang mengalami masalah lembam sebelum ini dilaporkan hilang di sebuah resort di Pantai, di sini sejak 4 Ogos lalu sebelum pihak berkuasa melancarkan operasi SAR mengesannya.

Bagaimanapun, sehingga semalam, gadis itu gagal dikesan.

Mengulas lanjut, Che Zakaria berkata, anggota SAR turut berdepan kesukaran meredah hutan kawasan gunung itu berikutan hujan yang menyebabkan permukaan jalan menjadi licin dan berbahaya.

"Selain itu, anggota SAR perlu berdepan air sungai yang semakin deras. Usaha akan diteruskan sehingga dapat mengesan mangsa.

"Pengamal media yang hendak turut serta dalam operasi pencarian perlu melaporkan diri di Balai Polis Pantai bagi mengelakkan sebarang kejadian tidak diingini," katanya.



Anggota pasukan mencari dan menyelamat turut berdepan kesukaran terpaksa meredah hutan dengan laluan licin selepas hujan. (Foto Iqmal Hafiq Rosman/BF)



Anggota pasukan SAR melakukan pencarian dalam lingkungan 12 kilometer radius di kawasan Gunung Berembun.

## Polis England, Ireland, Perancis hanya bantu siasatan

**Seremban:** Pasukan polis dari England, Ireland dan Perancis kini berada di Malaysia untuk membantu siasatan berhubung kes kehilangan Nora Anne Quoirin, 15, yang dilaporkan hilang sejak 4 Ogos lalu.

Timbalan Ketua Polis Negeri Sembilan, Senior Asisten Komisioner Che Zakaria Othman, berkata kehadiran pasukan keselamatan dari tiga negara itu hanya untuk membantu dari segi siasatan dan tidak terlibat dalam operasi mencari dan menyelamat (SAR) remaja Ireland berkenaan.

Beliau turut menafikan pasukan yang tiba itu adalah pegawai dari Agensi Jenayah Nasional (NCA) United Kingdom, sama ada Scotland Yard atau An Garda Síochána.

"Mereka adalah polis dari England, Ireland dan Perancis, bukannya dari Scotland Yard atau An Garda Síochána.

"Mereka tiba pada minggu lalu hanya membantu siasatan, tetapi saya tidak boleh dedahkan butiran mengenai siasatan itu," katanya pada sidang media di Balai Polis Pantai di sini, semalam.

Portal berita RTE yang berpangkalan di Donnybrook, Ireland, sebelum ini melaporkan siasatan kehilangan Nora Anne kini dibantu pegawai NCA United Kingdom, Scotland Yard dan polis Ireland, An Garda Síochána.

Berdasarkan laporan itu, pegawai perhubungan An Garda Síochána dikatakan tiba di Malaysia Sabtu lalu, bagi membantu usaha penyiasatan diterajui Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Kementerian Luar yang giat menyelaraskan sokongan konsular kepada keluarga Nora Anne.

Jurucakap NCA UK dilaporkan berkata, pihaknya akan bersama membantu merungkai kes kehilangan Nora sejak 4 Ogos lalu.

**Mereka adalah polis dari England, Ireland dan Perancis, bukannya dari Scotland Yard atau An Garda Síochána. Mereka tiba pada minggu lalu hanya untuk membantu siasatan, tetapi saya tidak boleh dedahkan butiran mengenai siasatan itu.**

**Che Zakaria Othman,** Timbalan Ketua Polis Negeri Sembilan